



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH
جَابَاتُنْ حَلَّ إِحْوَالِ أَجَامِعِ الْمُسْلِمِينَ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

12 REJAB 1444H / 03 FEBRUARI 2023M

HASAD DENGKI MENGHAKIS KEBAIKAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :
01/02/2023

PEGAWAI PEMERIKSA : **ABDULLAH BIN ABDUL HAI**
Penolong Pengarang Kanan S44
Unit Baitul Hikmat
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih.

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : *01/02/2023*
DIBACA PADA : *03/02/2023*
DILULUSKAN OLEH : *BAHARUDIN M.J. ALWI*

BAHARUDIN M.J. ALWI
Penolong Pengarang Kanan
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
HASAD DENGKI MENGHAKIS KEBAIKAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَا يَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظُّنُنِ إِنَّ بَعْضَ الظُّنُنِ إِنَّمَا ... ١٢ (سورة الحجرات (49))

(12)

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahuwataala dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: "**HASAD DENGKI MENGHAKIS KEBAIKAN**".

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kehidupan kita yang singkat di dunia ini merupakan peluang keemasan untuk berbuat kebaikan sebanyak-banyaknya sebelum ajal tiba. Sementara masih bernafas, sihat dan bertenaga, sama-sama lah kita mentarbiah diri sebagai orang yang beriman serta bertaqwa kepada Allah Subhanahuwataala dengan memperbanyakkan amal soleh, beristighfar dan bertaubat kepada-Nya. Allah Subhanahuwataala berfirman dalam surah al-Nahl, ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِنَّ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ
أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (٩٧)

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan.” (QS al-Nahl (16): 97)

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Asas kepada kerukunan hidup masyarakat majmuk ialah memastikan keadaan aman dan harmoni yang dinikmati sentiasa terpelihara. Setiap komuniti wajib menghargai dan mensyukuri kepelbagaiannya yang ada dengan mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu yang boleh mengganggu-gugat kesatuan dan perpaduan Negara. Maknanya, setiap ahli keluarga mahupun anggota masyarakat hendaklah sentiasa berusaha menyingkirkan sifat-sifat mazmumah atau buruk yang merugikan seperti hasad dengki, berburuk sangka, fitnah memfitnah, caci mencaci, pulau memulau dan sebagainya.

Terdapat segelintir masyarakat kita hari ini, ada yang berasa kurang senang dengan kemajuan serta kemewahan hidup yang dikehendaki oleh orang lain. Sikap negatif berkenaan adalah nilai yang tidak baik dalam kerangka bersaing mencapai kecemerlangan dan membangunkan sesebuah Negara. Namun inilah antara resam dunia, akan ada orang yang sebangsa dan seagama maju, kaya-raya dan berjaya, akan ada juga orang yang berfikiran negatif. Lantas mereka melakukan tohmahan kononnya kemajuan serta kejayaan yang diperolehi itu hasil dari pinjaman, rasuah, tipu-daya dan sebagainya.

Ironinya, apabila bangsa lain maju, Berjaya serta kaya-raya, jarang sekali yang mempersoalkan bagaimana mereka memperolehi kelebihan tersebut. Senario ini mengisyaratkan ada sesuatu yang tidak kena, yakni berkemungkinan hati sudah diselimuti sifat cemburu dan hasad terhadap saudara seagama yang lebih ke hadapan dalam pelbagai bidang.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Perasaan kurang senang adalah benih sifat iri hati dan hasad dengki. Iri hati dicetuskan melalui perasaan ego dan sompong sehingga tidak boleh menerima

teguran serta melihat orang lain melebihi dirinya. Lantas, rasa iri hati membuatkan pula sifat atau penyakit yang dilabelkan sebagai hasad dengki.

Hasad berasal dari bahasa Arab yang bererti dengki. Apabila dua perkataan ini digabungkan, menjadi hasad dengki dalam bahasa harian kita. Hasad dengki bermaksud perasaan inginkan agar nikmat, kelebihan, kebolehan atau keistimewaan yang ada pada orang lain terhapus. Tetapi dia akan merasa gembira jika dia termasuk dalam kumpulan yang memperolehi kelebihan serta keistimewaan berkenan.

Justeru, hasad dengki adalah sifat mazmumah yang paling kerap melanda diri manusia. Dalam menghuraikan persoalan sifat yang keji ini, Imam al-Ghazali menyenaraikan tiga ciri orang yang berdengki seperti berikut:

Pertama, menginginkan agar kenikmatan atau kelebihan lenyap daripada orang lain dan mengharapkan agar kenikmatan itu berpindah kepadanya.

Kedua, menginginkan agar kelebihan yang dimiliki orang lain itu lenyap meskipun dia sendiri tidak dapat memiliki disebabkan kekurangan yang ada pada dirinya sendiri. Yang penting baginya ialah orang itu jatuh dan hilang kelebihannya.

Ketiga, merasa sakit hati apabila orang lain melebihinya walaupun dia tidak berbuat sesuatu untuk menjatuhkannya.

Sehubungan itu, seseorang yang berpenyakit hasad dengki akan sentiasa gelisah atau tidak puas hati tatkala melihat apa yang dimiliki oleh orang yang didengkinya. Apabila perasaan itu tidak lagi dapat dikawal, maka si pendengki akan menyusun strategi agar hasrat buruk itu tercapai dengan apa cara sekalipun.

Situasi inilah yang menatijahkan gejala negatif seperti mereka-reka cerita, menfitnah, mengumpat, memaki dan sebagainya yang bertujuan memburuk-burukkan orang yang didengki. Malah, ada di kalangan yang menghidapi penyakit hasad itu sanggup bersekongkol dengan pihak musuh menggunakan segala cara yang ada termasuk media sosial hatta mendatangani tukang-tukang sihir seterusnya mengamalkan perbuatan keji lainnya semata-mata untuk menjatuhkan orang yang didengkinya.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hakikatnya, perasaan dengki adalah salah satu perangai atau sifat buruk yang telah menghinggapi manusia sejak dari dahulu lagi. Ia bukan sahaja terjadi dalam dunia politik, perniagaan, pekerjaan dan persahabatan, malahan turut berlaku dalam suasana kekeluargaan.

Di dalam al-Quran misalnya, Allah Subhanahuwataala memaparkan kisah Nabi Yusuf yang dicampakkan oleh saudara-saudaranya ke dalam telaga kerana dengki kepadanya yang sangat disayangi oleh bapanya, iaitu Nabi Yaqub. Hal ini terakam melalui firman Allah Subhanahuwataala dalam surah Yusuf, ayat 8-9 yang **bermaksud**: “*(Kisah itu bermula) tatkala saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): “Sesungguhnya Yusuf dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata.” (Ramai di antara mereka berkata): “Bunuhlah Yusuf atau buanglah dia ke suatu tempat yang jauh, supaya perhatian dan kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu semata-mata, dan supaya kamu sesudah itu menjadi orang-orang yang baik dan berguna.”* **(QS Yusuf (12): 8-9)**

Demikianlah resam orang yang dilanda penyakit hasad dengki, di depan berlagak saudara, mulut manis tetapi di belakang mereka umpama gunting dalam lipatan. Ia membuktikan bahawa apabila hati diselimuti hasad, qada dan qadar Ilahi sanggup dinafikan.

Dalam erti kata yang lain, berita gembira untuk si pendengki atau kaki hasad ini adalah perkara buruk yang menimpa orang yang didengkinya. Kalau ada berita buruk mengenai orang yang dihasadnya, maka berseri-serilah mukanya kegembiraan. Tetapi jika ada kebaikan atau kelebihan lain orang yang dihasadnya pula, maka bermasam mukalah dia dalam kedukaan.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Orang yang berpenyakit hasad dengki disifatkan sebagai kufur nikmat kerana seolah-olah tidak redha dengan ketentuan qada dan qadar Ilahi. Sebab itu, apabila hasad bermaharajalela menguasai diri seseorang, maka segala kebaikan akan

terhakis. Amaran serta peringatan ini terangkum dalam sebuah hadis Nabi Sallallahu alaihi wasallam yang **bermakna**:

“Hendaklah kalian menjauhi sifat hasad dengki, kerana ia menghapuskan kebaikan sepetimana api menghanguskan kayu.”

(Sunan Abi Daud [4903])

Sehubungan itu, Imam al-Ghazali menganjurkan kita berusaha sedaya upaya mencegah diri daripada dihidapi sifat hasad. Ia perlu bermula di hati dengan menanamkan perasaan al-qanaah (cukup dengan apa yang diberikan); ***al-zuhd*** (tidak mementingkan dunia); ***kitmanus-sir*** (merahsiakan rahsia); ***al-hilm*** (mengawal kemarahan); ***As-syajaah*** (berani); dan ***al-ifrah*** (pemaaf).

Kesimpulannya, mereka yang menghidap sifat mazmumah seperti hasad perlu kembali kepada panduan serta anjuran oleh Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam.

Saranan serta anjuran Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam ini hendaklah kita semua junjung dan terjemahkan dalam kehidupan harian kita. Ia penting bagi mengukuhkan kesatuan dan perpaduan ummah demi kelangsungan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan bersama. Dalam kerangka ini, rafakkanlah doa selalu memohon ke hadrat Ilahi supaya dijauhkan dari segala sifat mazmumah, diampunkan segala dosa, diterima taubat kita dan seterusnya hidup dan mati dalam keadaan beriman.

وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرَ اللَّهَ يَجِدَ اللَّهَ غَفُورًا رَّحِيمًا ١١٠

Maksudnya: "Dan barang siapa mengerjakan keburukan atau menganiaya diri sendiri, kemudian memohon pengampunan Allah, maka ia akan mendapatinya Allah itu adalah Maha Pengampun dan Maha Penyayang." (QS al-Nisa (4): 110)

(QS al-Nisa (4): 110)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالفُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَإِنَّمَا يَعْلَمُ أَعْلَمُ بِكُلِّ شَيْءٍ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِاِمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا كُلَّمَنَّاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَّجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ
الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَهِ دُولِي يُغْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدوْكَ بِكِينِدا يُغْ دَفْرِتوَنَ اَكْوُغ

وَفَخَامَةِ الرَّئِسِ الْأَعْلَى توان يغ دفتروا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ
الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu juga Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْ كُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS
Tel: 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com